

TownHall J-KOM, UMSKAL platform pelajar kongsi perbincangan

UB 20.10.2023 P.08

LABUAN: Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) menayakan Program Town-Hall Bicara Perpaduan bagi merealisasikan misi penting memupuk perpaduan dan membuka dialog terbuka yang memanfaatkan seramai 600 pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) di sini Rabu lepas.

Program dengan kerjasama UMSKAL itu menjadi platform bagi pelajar untuk terlibat dalam perbincangan yang membina, berkongsi pandangan dan bekerjasama mencapai matlamat bersama.

Ia turut memainkan peranan penting dalam mempromosikan komunikasi terbuka, pemahaman dan perpaduan dalam kalangan komuniti akademik.

Terdahulu diadakan taklimat kenegaraan dengan tajuk 'Merdekakah Kita? Di mana letaknya Patriotik Kita' yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Sabah Supian Musa manakala, sesi townhall menampilkan Ketua Pengarah Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) Datuk Dr. Mohammad Agus Yusoff dan Profesor Kehormat di Universiti Selangor (UNISEL) Prof. Dr. Arstiah Bahrun @ Bahron.

Turut hadir, Pengarah UMSKAL Prof. Madya Dr. Mohd Rizal Abdul Hamid; Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) Prof. Madya Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal; Penolong Pengarah J-KOM Sabah Dr. Diana Dominic; Ketua Pentadbiran UMSKAL Zamri Mohd Tuah; dan Ketua Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia UMSKAL Mas Adi Alimin.

Majlis Tandatanganan Surat Niat turut diadakan di antara Geoffrey dan Pengarah J-KOM Zon Sabah Milus Alu @ And Wahad bertujuan penyelidikan dan pembangunan



CENDERAMATA: Mohammad Agus (tiga kiri) menerima cenderamata daripada Mohd Rizal.



DOKUMEN: Geoffrey (dua kiri) dan Milus Alu bertukar dokumen Surat Niat sambil disaksikan Mohammad Agus (kanan) dan Mohd Rizal (kiri).

dalam konteks perpaduan dan komunikasi dengan dana penyelidikan permulaan sebanyak RM5,000.

Menerusi program itu, ia memberi pelajar peluang untuk menyuarakan kebimbangan dan pendapat mereka mengenai perkara-perkara penting di peringkat negara dan tempatan.

Selain itu, interaksi langsung ini meningkatkan pemahaman mereka terhadap isu-isu dunia sebenar dan mendorong penyertaan aktif dalam membentuk masa depan negara.

"Dengan mengadakan Program Town Hall membolehkan UMSKAL menunjukkan komitmennya dalam memupuk budaya dialog dan inklusiviti.

"Memperkuh hubungan dengan rakan kerjasama luar dan mempamerkan komit-

men institusi terhadap pendidikan holistik.

"Memberi peluang kepada agensi kerajaan untuk berkolaborasi dengan institusi pendidikan dalam program Town Hall memudahkan saluran komunikasi langsung antara agensi kerajaan, komuniti akademik dan orang awam," katanya.

Beliau berkata, ia membolehkan mereka menangani kebimbangan dan memberikan maklumat tentang pelbagai inisiatif kerajaan, mempromosikan ketelusan dan penyertaan rakyat.

Sementara itu, kerjasama antara FKAL dan J-KOM Zon Sabah dalam penyelidikan dan pembangunan akan menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang isu-isu perpaduan dan komunikasi di Malaysia, khususnya di W.P Labuan.



TERIMA: Mohd Rizal (tiga kiri) menerima cenderamata daripada Mohammad Agus.*